

**MUALAF DI MALAYSIA: ISU DAN PENYELESAIAN PENTADBIRAN
OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

***MUALAF IN MALAYSIA: ISSUES AND ADMINISTRATIVE SOLUTIONS
BY SELANGOR ISLAMIC RELIGIOUS COUNCIL***

Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy^{1*} and Nurhidayah Mohamed Hamidi²

¹Department of Islamic Political Science, Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur, MALAYSIA

²Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, MALAYSIA

*Corresponding author: sashsiaq@um.edu.my

Published online: 27 April 2022

To cite this article: Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy and Nurhidayah Mohamed Hamidi. 2022. Mualaf di Malaysia: Isu dan penyelesaian pentadbiran oleh Majlis Agama Islam Selangor. *Kajian Malaysia* 40(1): 133–155. <https://doi.org/10.21315/km2022.40.1.7>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2022.40.1.7>

ABSTRACT

Among the mualaf (new Muslim converts) issues faced by the Selangor Islamic Religious Council were issues of the struggle for the deceased's body, religious status, determination of inheritance and the determination of religious status for children. However, the factors that led to the issue of the mualaf, particularly the administrative aspect, gets less attention than the legal aspect. This study analyses mualaf-related issues occurring between 2000 and 2015, factors that caused the issues and how the Selangor Islamic Religious Council administration solved them. The purpose of this analysis is to identify problems and to analyse the factors that caused the issue to persist as well as to highlight the administrative efforts by the Selangor Islamic Religious Council. This study was done using an interview method, literature survey and documentation analysis using the thematic method. The findings found that there were seven main issues concerning mualaf that were associated with registration administration, caused by administrative complications and refusal to amend their religious status. The administrative complications cover three aspects which are incomplete and insufficient registration information, registration not following the procedure and absence of systematic monitoring. Refusal to amend the religious status owes to their desire to keep secret their Islamic status. In overcoming this issue, the Selangor Islamic

Religious Council has taken several measures including online registration through the IMualaf and manual registration, obtaining supporting documents from the mualaf, preparing standard operating procedure for mualaf registration and requiring the registration of Islamic status at the National Registration Department. As a result of this study, some improvements in mualaf registration procedures have been recommended. Such measures include conducting mualaf registration on a fully online basis, developing software that allows registration information to be easily accessed and monitored not only, by the Selangor Zakat Council but also by the National Registration Department.

Keywords: mualaf, Selangor Islamic Religious Council, registration, administration

ABSTRAK

Antara isu berkaitan mualaf yang dihadapi oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ialah perebutan jenazah si mati, pertikaian status agama, penentuan harta pusaka dan status agama bagi anak. Namun, faktor yang menyebabkan berlakunya isu tersebut khususnya dari aspek pentadbiran kurang diberi perhatian berbanding aspek perundangan. Selain daripada mengenal pasti isu berkaitan mualaf yang berlaku di antara tahun 2000 hingga 2015, kajian ini juga menganalisis faktor yang menyebabkan isu tersebut berlaku dan bagaimana penyelesaian secara pentadbiran telah diambil dan boleh dicadangkan kepada MAIS. Tujuan analisis ini adalah untuk mengenal pasti masalah dan faktor yang menyebabkan isu tersebut berlarutan selain mengetengahkan usaha-usaha penyelesaian pentadbiran oleh pihak MAIS. Kajian ini telah menggunakan kaedah temu bual, tinjauan literatur dan dokumentasi yang dianalisis menggunakan kaedah tematik. Hasil kajian ini mendapati tujuh isu utama mualaf yang berkait rapat dengan hal ehwal pentadbiran pendaftaran mualaf. Antaranya berpunca daripada faktor komplikasi pentadbiran dan keengganan meminda status agama. Faktor komplikasi pentadbiran meliputi tiga aspek iaitu maklumat pendaftaran yang tidak lengkap dan mencukupi, pendaftaran yang tidak mengikut prosedur dan tiada pemantauan yang sistematik. Faktor keengganan meminda status agama pula disebabkan ingin merahsiakan status Islam. Bagi mengatasi isu ini, pihak MAIS telah mengambil beberapa langkah penyelesaian meliputi pendaftaran mualaf secara dalam talian iaitu IMualaf dan pendaftaran manual, mendapatkan dokumen sokongan daripada mualaf, menyediakan prosedur pengendalian standard bagi pendaftaran mualaf dan mewajibkan pendaftaran status Islam di Jabatan Pendaftaran Negara. Beberapa cadangan penambahbaikan proses pendaftaran mualaf telah disyorkan hasil daripada kajian ini. Antaranya ialah pendaftaran mualaf dilakukan

sepenuhnya secara dalam talian dan mewujudkan perisian yang membolehkan maklumat pendaftaran mualaf diakses dan dipantau dengan mudah bukan sahaja oleh pihak Lembaga Zakat Selangor tetapi juga Jabatan Pendaftaran Negara.

Kata kunci: mualaf, Majlis Agama Islam Selangor, pendaftaran, pentadbiran

PENDAHULUAN

Keunikan Malaysia yang bermasyarakat majmuk menjadi faktor kepada perkembangan dakwah di Malaysia (Mohd Faridh Hafez dan Sharifah Hayaati 2016). Ia merupakan titik tolak kepada perkembangan pentadbiran pendaftaran bagi saudara yang baru memeluk Islam atau mualaf. Seseorang penganut bukan Islam apabila telah mengucap dua kalimah syahadah, masih lagi belum dianggap sebagai Islam mengikut sistem perundangan di Malaysia sehingga pendaftaran agamanya dilakukan dengan sempurna mengikut proses dan prosedur yang digariskan oleh pihak berkuasa agama Islam tempatan. Pendaftaran mualaf merupakan suatu proses yang penting kerana ia akan menjadi bukti utama pengislaman walaupun penghayatan Islam menerusi amalan sehariannya boleh dipertikaikan. Selain itu, pendaftaran mualaf juga akan mempengaruhi segala urusan yang berkaitan diri mualaf terutamanya selepas berlaku kematian (Sharifah Hayaati et al. 2016; Zuliza 2001; Zuliza dan Nurhidayah 2016). Malah, ketidaksahan pendaftaran mualaf boleh menimbulkan pelbagai isu yang rumit untuk diselesaikan. Di samping itu, proses untuk membuat keputusan terhadap isu mualaf yang tidak mendaftar secara sah akan mengambil masa yang panjang dan berlarutan kerana ia melibatkan keputusan mahkamah.¹

Isu-isu yang sering berlaku berkaitan dengan pendaftaran mualaf antaranya ialah perebutan harta selepas perceraian dan kematian daripada bekas pasangan yang bukan Islam, perebutan mayat mualaf apabila pengislamannya tidak diketahui pihak keluarga,^{1,2} pertikaian pengislaman anak, pendaftaran masuk Islam menggunakan maklumat palsu³ dan tuntutan harta sepencarian daripada pasangan yang memeluk Islam secara rahsia¹ (Khairani dan Mohd Al Adib 2014). Hal ini telah mendorong kajian ini untuk menganalisis sistem pentadbiran mualaf di Malaysia iaitu di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Namun, faktor yang menyebabkan berlakunya isu tersebut dari aspek pentadbiran masih kurang diberi perhatian berbanding aspek perundangan. Kajian ini bertujuan membincangkan isu-isu yang berlaku antara tahun 2000 hingga 2015, faktor dan penyelesaian pentadbiran yang diambil dan boleh dicadangkan kepada MAIS.

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah temu bual, tinjauan literatur dan dokumentasi. Seramai empat responden telah ditemu bual. Mereka terdiri daripada dua pegawai eksekutif yang berpengalaman dan terlibat secara langsung dalam urusan pendaftaran mualaf di MAIS, seorang lagi responden merupakan pensyarah dan individu yang berpengalaman luas dalam memahami dan mengendalikan isu mualaf di Malaysia. Beliau merupakan Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia. Responden keempat merupakan peguam yang berpengalaman dalam mengendalikan kes berkaitan mualaf. Sebanyak 15 penulisan yang berkaitan telah disemak menggunakan kaedah tinjauan literatur. Bagi mengukuhkan kajian ini, dokumen rasmi berkaitan proses dan standard operasi pentadbiran mualaf di MAIS telah disemak dan dijadikan rujukan menggunakan kaedah dokumentasi. Data yang diperoleh melalui tiga kaedah ini dianalisis menggunakan kaedah tematik. Lima tema utama telah dibentuk iaitu isu mualaf, pendaftaran mualaf, proses dan prosedur MAIS, tindakan MAIS dan cadangan penambahbaikan.

LATAR BELAKANG PENTADBIRAN MUALAF DI MAIS

Pentadbiran mualaf bermula dengan pendaftaran mualaf diikuti dengan urusan berkaitan kebajikan dan pendidikan. Di Selangor pendaftaran mualaf telah mula direkodkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sebelum tahun 1980. Ketika itu, Unit Mualaf berada di bawah pengurusan bahagian qariah iaitu masjid. Pada tahun 1980 sehingga 2004, Unit Mualaf tidak lagi ditadbir oleh bahagian qariah, sebaliknya diserap dan diuruskan oleh Bahagian Dakwah JAIS. Sepanjang tempoh ini, penjenamaan semula terhadap Unit Mualaf telah berlaku beberapa kali iaitu Unit Mualaf, Unit Ukhuwah dan Unit Dakwah Saudara Kita.³

Pada tahun 2005 pentadbiran Unit Mualaf di JAIS diambil alih pula oleh MAIS. Segala hal ehwal pentadbiran mualaf yang merangkumi urusan pendaftaran, pendidikan dan kebajikan tidak lagi dikelolakan oleh JAIS. Usaha ini telah memperluaskan peranan MAIS yang sebelumnya hanya menguruskan pentadbiran baitulmal dan berkuasa sebagai pembuat dasar berkaitan hal ehwal pentadbiran Islam negeri Selangor.³ Namun, skop pentadbiran mualaf di MAIS dikecilkan berkuat kuasa pada 1 April 2017 iaitu MAIS hanya menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan pendaftaran mualaf sahaja. Manakala hal ehwal yang berkaitan dengan pendidikan dan kebajikan mualaf diserahkan pentadbirannya kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) kerana mualaf merupakan salah satu daripada asnaf penerima zakat. Berikutan daripada pengecilan bidang tugas tersebut, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf MAIS telah dijenamakan semula sebagai Bahagian Pendaftaran Mualaf MAIS iaitu di bahagian Sektor Pembangunan Sosial MAIS.³

Sebelum pentadbiran pendaftaran mualaf diambil alih oleh MAIS, sistem pengurusannya didapati kurang sistematik. Antaranya borang pengislaman didapati hilang, fail berada dalam keadaan tidak tersusun, koyak dan tidak direkodkan dengan sistematik mengikut sembilan daerah di negeri Selangor.³ Selepas MAIS mengambil alih pentadbiran mualaf, hal ini diatasi melalui borang pendaftaran dan sistem pendaftaran mualaf yang lebih sistematik dinamakan sebagai sistem *IMualaf*.³ Borang pendaftaran yang telah dikemas kini sejak tahun 2009 adalah lebih lengkap dan menepati spesifikasi bukti pemelukan Islam yang sah di sisi undang-undang iaitu mengandungi cap jari mualaf, maklumat tambahan peribadi, syarat-syarat saksi dan dokumen sokongan yang dikepilkan.³ Berikut merupakan hasil tinjauan literatur dan temu bual berkaitan isu mualaf yang berlaku dalam tempoh kajian antara tahun 2000 hingga 2015.

Isu Pertikaian Status Agama Si Mati

Isu ini berlaku apabila timbul keraguan sama ada si mati merupakan seorang yang beragama Islam atau tidak pada hari kematiannya. Untuk tujuan ini, penentuan status agama akan dilakukan supaya jenazah boleh diuruskan mengikut agama yang dianuti oleh si mati. Kegagalan menentukan status ini boleh membawa kepada berlakunya perebutan terhadap jenazah si mati. Antara isu yang berlaku adalah sebagaimana dalam kes Nyonya binti Tahir (Sharifah Hayaati 2018).

Dalam kes ini, si mati diputuskan sebagai penganut agama Buddha pada hari kematiannya walaupun dilahirkan sebagai seorang Islam dan tercatat pada kad pengenalan. Si mati telah dibenarkan untuk dikebumikan mengikut upacara keagamaan Buddha (Halimahton, Ngu dan Raman 2006). Mahkamah memutuskan bahawa Nyonya binti Tahir yang mempunyai nama Melayu beragama Buddha pada hari kematiannya kerana si mati telah tinggal sejak kecil bersama neneknya, berbangsa Melayu yang berkahwin dengan mualaf Cina yang dibesarkan dengan asuhan dan didikan adat resam dan budaya Cina. Mengamalkan penyembahan Tok Kong, makan babi, berkahwin dengan lelaki Cina selain anak si mati menjadi saksi bahawa ibunya menjalani kehidupan sebagai seorang yang beragama Buddha sejak daripada kelahirannya. Di samping itu, si mati juga pernah membuatakuan sumpah pada 19 Julai 1991 bahawa beliau tidak akan kembali kepada Islam serta meneruskan kehidupan sebagai seorang yang beragama Buddha dan mahu dikebumikan mengikut tradisi orang Cina.

Walaupun status Nyonya binti Tahir yang didaftarkan sebagai orang Melayu yang beragama Islam adalah sah mengikut undang-undang persekutuan, ia sama sekali tidak dapat membuktikan bahawa si mati memeluk agama Islam pada hari kematiannya. Dalam kes ini, status agama menerusi pendaftaran kad pengenalan

tidak dipertikaikan. Namun, amalan seharian yang tidak mengamalkan cara hidup beragama Islam dan akuan bersumpah si mati telah menjadi bukti bahawa si mati bukan beragama Islam.

Isu Perebutan Jenazah

Isu perebutan jenazah berlaku rentetan daripada wujudnya pertikaian status agama si mati seperti isu pertama. Hal ini berlaku apabila ada dalam kalangan keluarga si mati tidak bersetuju apabila agama si mati ditentukan sebagai Islam pada hari kematiannya. Hal ini kerana mereka tidak mengetahui si mati telah mendaftarkan pengislamannya secara sah di Jabatan Agama Islam selain tiada petunjuk jelas bahawa si mati mengamalkan cara hidup Islam. Akibatnya, membawa kepada perebutan jenazah.^{2,3} Hal ini boleh dilihat misalnya melalui usaha yang dilakukan di antara pihak MAIS dan keluarga Mohan Singh kerana si mati meninggal dunia di Selangor. Si mati yang meninggal dunia di Selangor walau bagaimanapun telah memeluk Islam melalui prosedur yang sah dalam rekod daftar mualaf di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP). Perebutan berlaku apabila keluarga si mati menuntut jenazah untuk dikebumikan mengikut upacara keagamaan Hindu, namun rakan si mati yang beragama Islam telah menjumpai surat pengesahan pengislaman yang dikeluarkan oleh JHEAIPP bersama si mati ketika kematiannya. Perkara ini dilaporkan kepada MAIS dan setelah pembuktian pengislaman dilakukan, jenazah diuruskan secara Islam oleh pihak MAIS.³ Selain itu, terdapat isu lain seumpama ini yang turut berlaku terhadap jenazah seorang mualaf lelaki berbangsa Cina. Ekoran daripada perebutan ini, pihak MAIS telah mensabitkan pembuktian melalui penghantaran borang pendaftaran pengislaman ke Bahagian Forensik, Jabatan Kimia Negara. Ia bertujuan untuk mengesahkan tandatangan pada borang pendaftaran tersebut merupakan milik si mati. Setelah pembuktian didapati benar, si mati telah diurus dan dikebumikan secara Islam.³

Di samping itu, berlaku juga isu perebutan jenazah selepas upacara pengkebumian. Pengutipan abu jenazah mualaf dilakukan dan diuruskan secara Islam selepas disahkan si mati merupakan seorang Islam oleh pihak MAIS. Isu perebutan jenazah yang mendapat perhatian masyarakat ialah kes Moorthy a/l Maniam (Khairani dan Mohd Al Adib 2014). Kesemua contoh kes perebutan mayat dan abu mayat dapat diselesaikan apabila dokumen pendaftaran pengislaman secara sah dapat dibuktikan oleh pihak MAIS.

Isu Permohonan Pembatalan Pendaftaran Pengislaman Anak di Bawah Usia 18 Tahun

Punca berlakunya isu ini ialah apabila salah seorang daripada ibu bapa memeluk Islam. Ibu bapa tersebut telah mengislamkan anak mereka yang berusia di bawah 18 tahun. Perkara ini berbangkit apabila ibu atau bapa yang telah memeluk Islam berpisah dan belum mendapat hak penjagaan anak secara sah daripada pihak mahkamah. Hal ini menimbulkan rasa tidak puas hati daripada ibu atau bapa yang bukan Islam dan membuat permohonan pembatalan pendaftaran pengislaman anak mereka.⁴ Antara isu yang berlaku sekitar tahun 2004 hingga 2010 ialah kes Shamala (Khairani dan Mohd Al Adib 2014), Subashini (ibid.) dan Indira Gandhi (Hussin, Nasrul Hisyam dan Suhaimi 2016). Isu Shamala dan Subashini yang berlaku di Selangor dan Indira Gandhi di Kuala Lumpur ini sering dihadapi oleh pihak MAIS.³

Isu Pendaftaran Menggunakan Maklumat Palsu

Isu ini melibatkan pendaftaran pengislaman mualaf menggunakan dokumen palsu iaitu menggunakan kad pengenalan yang dibeli daripada sindiket. Perkara ini dapat dikesan oleh pihak berkuasa dan siasatan dilakukan dengan meneliti serta memeriksa setiap dokumen pendaftaran pengislaman mualaf tersebut.³ Pihak MAIS menjelaskan bahawa ketika isu tersebut berlaku, masih banyak penambahbaikan yang belum dilakukan untuk menjamin kelicinan sistem pentadbiran pendaftaran mualaf di MAIS. Maka, secara tidak langsung isu ini telah menjadi salah satu sebab untuk meningkatkan keberkesanan sistem pendaftaran melalui sistem pemantauan dan penyelarasan pendaftaran mualaf di MAIS.³ Penggunaan maklumat palsu dalam pendaftaran mualaf bukan sekadar menyalahi undang-undang tetapi boleh memberi kesan terhadap bantuan zakat yang disalah salurkan.⁴

Isu Pembahagian Harta Pusaka

Pengislaman mualaf memberi kesan kepada harta yang ditinggalkan selepas kematian. Isu pembahagian kepada ahli keluarga yang bukan Islam dan ahli keluarga Islam kepada mualaf sering berlaku dan diselesaikan oleh pihak MAIS. Isu timbul apabila seorang mualaf bercerai dengan pasangannya yang bukan Islam. Apabila mualaf meninggal, waris daripada perkahwinan dengan pasangan bukan Islam menuntut hak harta. Harta pusaka hanya diberikan kepada waris iaitu kepada anak-anak daripada pasangan bukan Islam si mati.² Antara isu penentuan harta pusaka ialah isu Isabela Madeline Roy (Khairani dan Mohd Al Adib 2014). Isabela telah mendaftarkan pemelukannya secara rahsia tanpa pengetahuan suaminya yang bukan beragama Islam. Selepas pengislaman itu, suaminya pula

berkahwin dengan wanita Melayu tanpa membubarkan perkahwinan pertama. Selepas kematian suaminya, berlaku tuntutan harta pusaka daripada isteri yang beragama Islam. Namun, pembahagian harta pusaka tidak boleh dilakukan kerana status perkahwinan si mati dengan Isabela masih berjalan memandangkan pembubaran perkahwinan tidak pernah berlaku. Perkara ini memberi kesan kepada perkahwinan kedua si mati sekali gus menjadikan isteri dan anak-anak daripada perkahwinan kedua tidak berhak ke atas pewarisan harta. Oleh yang demikian, harta peninggalan si mati hanya diberikan kepada keluarga Isabela (Khairani dan Mohd Al Adib 2014). Isu ini menunjukkan pentingnya pengislaman mualaf didaftarkan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Majlis Agama selain ia perlu dimaklumkan kepada pasangan oleh mualaf dan pihak MAIS. Tindakan ini adalah bagi mengelakkan status perkahwinan tidak dibubarkan secara sah daripada mahkamah sivil dan kegagalan pihak waris sebenar mendapatkan hak harta pusaka.

Isu Tuntutan Harta Sepencarian

Pengislaman mualaf turut memberi kesan ke atas harta sepencarian apabila berlaku penceraian pasangan suami isteri. Antaranya seperti kes Kung Lim Siew dan Choong Chee Kuan pada tahun 2003 (Khairani dan Mohd Al Adib 2014). Isu ini bermula apabila suami, Choong Chee Kuan yang berbangsa Cina mengaku sebagai mualaf tetapi merahsiakan pengislamannya sepanjang tempoh perkahwinan dengan Kung Lim Siew sejak tahun 1984. Hal ini bermakna, sebelum perkahwinan pasangan ini berlangsung, si suami telah memeluk agama Islam. Perkara ini terbongkar apabila si isteri menuntut nafkah isteri, harta sepencarian serta hak penjagaan anak-anak selepas pasangan ini tidak lagi tinggal bersama. Si suami telah mengemukakan bukti pengislamannya iaitu dokumen pendaftaran pengislaman daripada Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Sungguhpun si suami berjaya dibuktikan sebagai mualaf, nafkah isteri dan anak-anak tetap perlu dilunaskan kerana ia merupakan tanggungjawab seorang suami. Tambahan pula, pengislaman si suami dianggap tidak sah kerana pengakuan tersebut semata-mata bertujuan untuk melepaskan tanggungjawab (ibid.).

Isu Permohonan Meninggalkan Islam dan Kembali Kepada Agama Asal

Menurut Nizam Sahad et al. (2013), permohonan meninggalkan Islam atau murtad semakin bertambah sehingga lebih daripada 100 kes telah diluluskan sehingga tahun 2010. Contohnya, pada tahun 2009, Siti Fatimah Tan Abdullah atau nama sebenarnya Tan Ean Hung telah membuat permohonan untuk meninggalkan Islam sekali gus membatalkan pendaftaran pengislamannya. Menurut kes *Siti Fatimah Tan Abdullah lwn Majlis Agama Islam Pulau Pinang* [2009], tindakan ini diambil kerana pengislamannya adalah semata-mata untuk berkahwin dengan seorang

warga negara Iran yang beragama Islam pada tahun 1999 (Zanariah dan Zaini Yusnita 2014). Selepas empat bulan berkahwin, suaminya meninggalkannya tanpa sebarang berita. Beliau mengakui tidak pernah belajar dan mengamalkan ajaran Islam sepanjang memeluk agama Islam, malah masih berpegang dan beramal dengan ajaran Buddha. Berpandukan kepada bukti-bukti serta saksi, pendaftaran Siti Fatimah sebagai seorang yang beragama Islam dibatalkan oleh mahkamah syariah seterusnya mengisytiharkan bahawa beliau bukan lagi seorang yang beragama Islam. Menurut Pg Ismail dan Siti Zubaidah (2015), mahkamah syariah di negeri Sabah mencatatkan jumlah tertinggi dalam menerima dan meluluskan kes permohonan keluar Islam. Namun, permohonan keluar Islam yang diluluskan itu berikutan daripada pemeluk Islam yang tidak sah di sisi undang-undang dan dipohon oleh saudara baharu dan orang Islam yang tidak pernah dibesarkan dan dididik dengan ajaran Islam (Suariza, Norrodzoh dan Yusmini 2018; Helwa dan Jasri 2013).¹ Kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor yang menyebabkan sebahagian mualaf membuat keputusan untuk meninggalkan Islam adalah disebabkan oleh faktor tekanan emosi atau gangguan psikologi seperti keruntuhan rumah tangga, faktor pengetahuan dan penghayatan Islam kerana tiada bimbingan mengenai ajaran Islam yang berterusan, faktor keluarga seperti dibenci oleh keluarga dan tiada tempat bergantung setelah memeluk Islam, selain faktor ingin berkahwin dengan orang bukan Islam (Mohamed Azam 2007). Ringkasan tentang senarai isu berkaitan mualaf seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Isu berkaitan mualaf di Malaysia

No.	Isu berkaitan mualaf di Malaysia
1.	Pertikaian status agama si mati
2.	Perebutan jenazah
3.	Permohonan pembatalan pendaftaran pengislaman anak di bawah usia 18 tahun
4.	Pendaftaran menggunakan maklumat palsu
5.	Pembahagian harta pusaka
6.	Tuntutan harta sepencarian
7.	Permohonan meninggalkan Islam dan kembali kepada agama asal

ANALISIS FAKTOR-FAKTOR BERLAKUNYA ISU SEMASA DALAM KALANGAN MUALAF

Hasil analisis tinjauan literatur dan temu bual kajian mendapati tujuh isu semasa yang berlaku dalam kalangan mualaf adalah disebabkan oleh tiga faktor utama dalam pentadbiran pendaftaran mualaf. Faktor-faktor tersebut ialah komplikasi

pentadbiran, keengganan menukar status agama dan tiada sistem pemantauan perkembangan kebajikan mualaf. Bagi faktor komplikasi pentadbiran ia meliputi tiga aspek iaitu maklumat yang tidak mencukupi, pendaftaran tidak mengikut prosedur dan tiada pemantauan yang sistematik. Manakala bagi faktor keengganan menukar status agama pula adalah disebabkan oleh keinginan untuk merahsiakan status Islam terutama daripada pengetahuan keluarga.³ Bagi faktor pemantauan perkembangan kebajikan mualaf pula ialah kerana keinginan berkahwin dengan pasangan bukan Islam, tidak mengamalkan cara hidup Islam, tiada sistem sokongan dan tekanan hidup sama ada kewangan mahupun keluarga. Berikut merupakan huraian kepada faktor-faktor tersebut.

Komplikasi Pentadbiran

Komplikasi pentadbiran berlaku disebabkan oleh tiga kelemahan berkaitan pendaftaran mualaf meliputi perkara seperti berikut.

Maklumat dalam borang pendaftaran yang tidak mencukupi

Antara faktor yang menyumbang kepada isu pendaftaran mualaf ialah maklumat yang diperlukan dalam borang pendaftaran pengislaman tidak lengkap serta tidak mencukupi untuk dikemukakan bagi membolehkan pembuktian pengislaman daripada segi perundangan. Antaranya seperti butiran peribadi, cap jari mualaf, dokumen sokongan dan butiran saksi. Hal ini terjadi kerana mekanisme pendaftaran mualaf sentiasa berubah dari masa ke masa mengikut keperluan semasa. Sekiranya timbul isu berkaitan mualaf yang kompleks dan perlu dibicarakan dalam jangka waktu yang lama seperti isu perebutan jenazah dan pembatalan pengislaman anak-anak, pihak MAIS akan mencari dan mengkaji punca kelemahan pentadbiran pendaftaran mualaf yang menyebabkan masalah tersebut menjadi rumit untuk diselesaikan.³ Oleh yang demikian, penambahbaikan terhadap butiran peribadi, cap jari dan penyaksian diberikan penekanan yang sewajarnya agar isu-isu berkaitan mualaf dapat dikekang atau diselesaikan dengan cara yang mudah.

Pendaftaran tidak mengikut prosedur

Faktor ini timbul disebabkan isu pengislaman anak bawah usia 18 tahun yang diislamkan oleh salah seorang ibu bapa yang merupakan mualaf tetapi tidak mengikut prosedur. Perkara ini berlaku apabila ibu atau bapa yang telah Islam tidak membawa kanak-kanak tersebut ke pejabat agama dan mengemukakan dokumen sokongan sebagai tanda mendapat hak penjagaan anak yang sah daripada mahkamah semasa proses pengislaman dilakukan.⁴ Apabila prosedur ini gagal dipatuhi, maka berlakulah antaranya isu pertikaian dan permohonan pembatalan

pendaftaran pengislaman anak tersebut. Isu ini berlaku kerana pasangan yang telah memeluk Islam itu ingin merahsiakan pengislamannya daripada pasangan yang masih kekal dengan agama asal. Maka, tindakan merahsiakan pengislaman itu mendorong mualaf enggan menyempurnakan pendaftaran mengikut prosedur yang telah digariskan oleh pihak berkuasa agama Islam tempatan¹ (Sharifah Hayaati et al. 2016). Lantas ia menjadi satu kesalahan kerana melanggar peraturan yang telah ditetapkan di samping mendorong risiko jangka masa panjang berkenaan dengan pemelukan Islam.

Tiada pemantauan yang sistematik

Faktor ini timbul daripada isu mualaf iaitu pertikaian status agama si mati, perebutan jenazah, permohonan pembatalan pendaftaran pengislaman anak-anak di bawah usia 18 tahun, pendaftaran menggunakan maklumat palsu, pembahagian harta pusaka, tuntutan harta sepencarian dan permohonan meninggalkan Islam dan kembali kepada agama asal. Pemantauan yang sistematik perlu dilaksanakan dengan memastikan status Islam telah didaftarkan dalam kad pengenalan dan pendaftaran pengislaman anak bawah 18 tahun telah mengikut prosedur (Khairani Husin dan Mohd Al Adib Samuri 2014), selain memastikan rekod dan dokumen pengislaman diuruskan dengan baik. Sebaliknya apa yang dikenal pasti ialah rekod daftar mualaf yang tidak dikemas kini seperti diasingkan mengikut daerah dan berlaku kehilangan sebahagian borang pendaftaran akibat perpindahan pejabat pendaftaran.³ Di samping itu, peruntukan dana yang kecil dan tidak mencukupi juga menjadi faktor yang menjejaskan keberkesanan sistem pendaftaran mualaf.² Setiap pembaharuan dan penambahbaikan dalam sistem pentadbiran pendaftaran mualaf memerlukan sejumlah perbelanjaan yang mencukupi bagi menjamin kelicinan sistem tersebut. Maka, peruntukan dana juga menjadi faktor kepada kurangnya pemantauan yang rapi dalam melaksanakan sebuah sistem pendaftaran mualaf yang sistematik.

Keengganan Menukar Status Agama

Faktor ini dikenal pasti sebagai antara punca berlakunya tiga isu mualaf iaitu isu perebutan jenazah, pembahagian harta pusaka dan tuntutan harta sepencarian. Hal ini dapat dikenal pasti apabila mualaf yang terlibat di dalam isu perebutan jenazah, pembahagian harta pusaka dan tuntutan harta sepencarian tidak meminda status agama dalam kad pengenalan dan terus kekal menggunakan kad pengenalan lama mereka. Hal ini berlaku kerana mereka ingin merahsiakan status Islam terutamanya daripada pengetahuan keluarga ekoran pelbagai risiko yang mungkin dihadapi seperti ugutan keselamatan, dibuang daripada keluarga, disekat daripada mendapat hak menerima harta dan sebagainya (Siti Adibah dan Siti Zubaidah 2018). Oleh

sebab demikian, pihak MAIS, mahkamah syariah dan mahkamah sivil perlu berhadapan dengan isu pentadbiran pendaftaran yang rumit untuk diselesaikan berikutan berlakunya pertembungan dua kuasa mahkamah tersebut.

Tiada Sistem Pemantauan Perkembangan Kebajikan Mualaf

Faktor ini dikesan sebagai antara faktor kepada isu murtad, isu merahsiakan perkahwinan dengan bukan Islam dan tidak mengamalkan gaya hidup serta penghayatan beragama Islam. Perkara ini disebabkan oleh tiadanya satu sistem yang boleh memantau secara dekat perkembangan dan kebajikan mualaf. Hal ini juga berkait rapat dengan isu peruntukan dana iaitu apabila melibatkan perjawatan staf, pembayaran sugu hati penceramah dan keperluan kepada perbelanjaan seperti pembinaan dan pengendalian perisian sistem pemantauan. Jadual 2 menunjukkan ringkasan faktor berlakunya isu mualaf daripada sudut pentadbiran pendaftaran mualaf.

Jadual 2: Ringkasan faktor-faktor berlakunya isu mualaf daripada aspek pentadbiran pendaftaran mualaf

Isu-isu semasa	Faktor: Komplikasi pentadbiran	Punca permasalahan
Isu pertikaian status agama si mati. Isu perebutan jenazah. Isu pendaftaran menggunakan maklumat palsu. Isu pembahagian harta pusaka.	Maklumat dan dokumen sokongan yang tidak mencukupi. Pendaftaran tidak disempurnakan mengikut prosedur. Tiada pemantauan yang rapi.	Maklumat dalam borang pendaftaran yang tidak mencukupi. Tiada penguatkuasaan kepada pindaan status agama dalam kad pengenalan. Kewajipan pindaan status agama pada kad pengenalan tidak diselaraskan di seluruh negara. Pengurusan dokumen pendaftaran tidak difailkan dengan cermat.
Isu permohonan pembatalan pendaftaran pengislaman anak-anak di bawah usia 18 tahun.	Pendaftaran tidak menepati kehendak prosedur.	Tidak membawa kanak-kanak semasa proses pendaftaran masuk Islam dilakukan. Tidak mengemukakan dokumen sokongan bahawa telah mendapat kebenaran penjagaan anak yang sah daripada mahkamah semasa mengislamkan kanak-kanak di bawah umur.

(Bersambung)

Jadual 2: (Sambungan)

Isu-isu semasa	Faktor: Komplikasi pentadbiran	Punca permasalahan
Isu perebutan jenazah. Isu pembahagian harta pusaka. Isu tuntutan harta sepencarian. Isu permohonan meninggalkan Islam dan kembali kepada agama asal.	Keengganan menukar status agama. Tiada sistem pemantauan perkembangan kebajikan mualaf.	Merahsiakan status Islam daripada pengetahuan keluarga atas sebab-sebab yang tertentu. Ingin berkahwin dengan pasangan bukan Islam. Tiada sokongan keluarga. Tidak mengamalkan cara hidup Islam. Tidak mendapat bimbingan tentang ajaran Islam secara berterusan.

PENYELESAIAN ISU DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES PENDAFTARAN MUALAF

Bagi menyelesaikan isu mualaf daripada aspek pendaftaran mualaf, beberapa kaedah telah dilakukan oleh MAIS selain memperkenalkan sistem pendaftaran dalam talian iaitu *IMualaf*; segala maklumat ini diseragamkan dengan maklumat LZS. Oleh itu, semua maklumat mualaf yang berdaftar secara sah boleh diakses oleh pihak LZS bagi memudahkan urusan pendidikan dan kebajikan mualaf dilakukan.³

Selain daripada itu, selaras dengan undang-undang pentadbiran Islam negeri Selangor, MAIS telah menyediakan prosedur pengendalian standard yang jelas agar proses pendaftaran mualaf lebih sistematik.

Prosedur Pengendalian Standard Pendaftaran Mualaf Berumur 18 Tahun dan ke Atas

Menerima kehadiran mualaf

Pendaftar perlu memastikan mualaf memenuhi syarat pengislaman. Antara syaratnya ialah berkeinginan memeluk Islam dengan kerelaan hati tanpa paksaan, membawa bersama kad pengenalan (warganegara) atau pasport dan visa yang masih sah (bukan warganegara) serta dua keping gambar berukuran pasport. Mualaf tersebut hendaklah datang ke MAIS bersama dua orang saksi lelaki yang beragama Islam. Sekiranya tiada, pihak MAIS akan mendapatkan dua saksi ini. Dalam masa yang sama, pendaftar perlu memastikan bahawa dua saksi ini menyaksikan setiap proses perjalanan pengislaman mualaf sehingga selesai.³

Memberi taklimat

Pendaftar bertanggungjawab menerangkan dan memperincikan beberapa perkara kepada mualaf seperti pengertian dua kalimah syahadah dalam bahasa Arab dan satu bahasa lain yang boleh difahami oleh mualaf tersebut, tugas dan kewajipan seorang Islam, kesan pengislaman terhadap kehidupan dan hubungan terhadap keluarga bukan Islam. Pendaftar perlu menanyakan sebab dan alasan mualaf tersebut memilih untuk memeluk Islam. Kemudiannya pendaftar akan menulis alasan tersebut pada Borang A di Bahagian B. Pendaftar juga perlu menanda dari bilangan satu hingga sembilan pada senarai semak dokumen sokongan yang dikepilkan bersama Borang A. Dokumen yang dimaksudkan ialah Panduan Penerangan Memeluk Agama Islam (Dewasa). Pada proses ini, pendaftar wajib memastikan mualaf tersebut memahami penerangan tersebut dengan mendalam di samping disaksikan oleh dua orang saksi.

Mengajar dan meminta mualaf melafazkan syahadah

Pendaftar perlu mengajar mualaf melafazkan syahadah berserta makna sehingga lancar. Setelah mualaf memahami semua penerangan yang diberikan serta lafaz syahadah dan maksudnya, mualaf akan diminta melafazkan syahadah berserta maksudnya dengan bimbingan pendaftar. Pada ketika ini, saksi hendaklah bertindak menyaksikan proses ini tanpa keraguan. Sekiranya timbul keraguan, lafaz syahadah dan maksudnya perlu dilafazkan semula oleh mualaf. Selepas selesai melafazkan syahadah, pendaftar akan menandakan pada bilangan 10 dan 11 dalam senarai semak dokumen sokongan. Seterusnya, maklumat yang diperlukan pada dokumen sokongan tersebut perlu dilengkapkan dan akan dijadikan bukti pemelukan Islam mualaf tersebut.

Melengkapkan Borang A


Dalam proses ini, mualaf, dua orang saksi dan pendaftar perlu melengkapkan butiran yang terdapat dalam Borang A. Mualaf diminta untuk melengkapkan ruangan maklumat pemohon pada Bahagian A. Kemudiannya, melafazkan perisytiharan/ikrar di hadapan pendaftar dan dua saksi sebagai memenuhi prosedur pengendalian standard di Bahagian C pada Borang A. Selepas melafazkan ikrar, mualaf akan menurunkan cap ibu jari pada ruangan yang disediakan. Manakala pendaftar perlu menurunkan tandatangan dan beberapa maklumat yang diperlukan. Seterusnya, dua orang saksi yang menyaksikan pengislaman tersebut juga perlu melengkapkan butiran yang diperlukan dalam Borang A.

Penyerahan dokumen pengislaman kepada mualaf

Setelah selesai melengkapkan Borang A, MAIS akan mengeluarkan dan menyerahkan dua dokumen kepada mualaf iaitu surat pengesahan pengislaman dan kad perakuan memeluk Islam. Dokumen tersebut merupakan bukti bahawa penukaran agama telah berlaku.

Merekodkan pendaftaran mualaf dalam daftar mualaf

Selepas selesai urusan pendaftaran dengan mualaf, pendaftar bertanggungjawab merekodkan pengislaman mualaf tersebut ke dalam daftar mualaf. Terdapat dua cara untuk merekodkan pendaftaran pengislaman tersebut. Pertama, secara manual iaitu melalui buku log yang dikhaskan di MAIS. Pendaftar perlu merekodkan bilangan daftar dan maklumat mualaf ke dalam buku tersebut. Kemudian, rekod tersebut akan disahkan oleh ketua pendaftar dengan menurunkan tandatangan serta cop pengesahan. Manakala cara kedua pula direkodkan secara dalam talian melalui sistem *IMualaf* MAIS. Sehubungan itu, proses merekod maklumat pengislaman ke dalam daftar mualaf ialah prosedur terakhir sekali gus menjadi bukti kukuh kepada pemeluk Islam seseorang dan sah di sisi undang-undang. Rajah 1 menunjukkan proses dan prosedur pengendalian standard pendaftaran bagi mualaf berusia 18 tahun dan ke atas.



Rajah 1: Prosedur pengendalian standard pendaftaran mualaf yang berusia 18 tahun dan ke atas di MAIS.

Prosedur Pengendalian Standard Pendaftaran Mualaf Berumur 18 Tahun dan ke Bawah

Menerima kehadiran mualaf (kanak-kanak)

Sama seperti orang dewasa, pendaftar perlu memastikan semua syarat masuk Islam dipatuhi. Syarat utama pemeluk Islam bagi kanak-kanak ialah hadir bersama ibu atau bapa atau penjaga yang sah. Sehubungan itu, dokumen dan perintah hak penjagaan anak daripada mahkamah perlu dikemukakan sebagai bukti mendapat hak penjagaan yang sah. Hal ini kerana keizinan semata-mata tidak menjamin pembuktian dengan kukuh. Sepanjang proses pengislaman, ibu atau bapa atau penjaga perlu peka ke atas setiap perkara yang berlaku. Antara syarat-syarat lain ialah membawa sijil lahir dan kad pengenalan bagi warganegara. Manakala mereka yang bukan warganegara pula dikehendaki membawa passport dan visa yang masih sah. Selain itu, kanak-kanak juga perlu hadir bersama dua orang saksi lelaki yang beragama Islam untuk menyaksikan proses pengislaman dari mula sehingga akhir. Di samping itu, dua keping gambar kanak-kanak berukuran passport juga perlu diserahkan kepada pendaftar.

Memberi taklimat

Pendaftar perlu menerangkan pengertian syahadah dan maksudnya kepada kanak-kanak tersebut. Dalam masa yang sama, pendaftar turut memberi pendedahan kepada ibu atau bapa atau penjaga berkenaan dengan kesan pemeluk Islam dalam kehidupan berkeluarga. Seterusnya, sebab pemeluk Islam turut ditanyakan dan ditulis oleh pendaftar pada Borang B di Bahagian B.

Mengajar dan meminta kanak-kanak melafazkan syahadah

Pendaftar bertanggungjawab mengajar lafaz kalimah syahadah dalam bahasa Arab dan maksudnya dalam satu bahasa lain yang difahami oleh kanak-kanak. Selepas itu, kanak-kanak tersebut perlu melafazkan syahadah sambil disaksikan oleh dua orang saksi lelaki. Sekiranya tidak jelas, lafaz tersebut perlu diulangi sehingga tidak lagi timbul sebarang keraguan dan ketidakjelasan.

Melengkapkan Borang B

Menerusi langkah ini, ibu atau bapa atau penjaga atau kanak-kanak perlu melengkapkan maklumat peribadi di Bahagian A pada Borang B. Setelah maklumat dilengkapkan, ibu atau bapa atau penjaga perlu menurunkan cap jari dan tandatangan di Bahagian C. Ia bertujuan sebagai bukti pemberian izin terhadap


pengislaman anak yang masih belum berusia 18 tahun. Seterusnya, kanak-kanak perlu melafazkan perisytiharan/ikrar di hadapan pendaftar dan saksi-saksi sebagai memenuhi prosedur pengislaman di Bahagian D. Selepas itu, kanak-kanak dan pendaftar dikehendaki menurunkan tandatangan pada ruangan yang disediakan. Manakala dua orang saksi yang menyaksikan pengislaman tersebut perlu melengkapkan butiran maklumat yang diperlukan pada ruangan yang turut berada di Bahagian D pada Borang B.

Penyerahan dokumen pengislaman kepada mualaf (kanak-kanak)

Setelah Borang B dilengkapkan dengan sempurna, MAIS akan menyerahkan surat pengesahan pengislaman dan kad perakuan memeluk Islam kepada ibu atau bapa atau penjaga kepada kanak-kanak yang memeluk Islam. Penyerahan dokumen diberikan kepada ibu atau bapa atau penjaga kerana mereka bertindak sebagai pelindung dan pembimbing kepada kanak-kanak tersebut.

Merekodkan pendaftaran mualaf (kanak-kanak) dalam daftar mualaf

Langkahnya adalah sama seperti orang dewasa iaitu maklumat kanak-kanak tersebut akan direkodkan ke dalam buku daftar mualaf dan sistem *IMualaf*.³ Rajah 2 menunjukkan proses dan prosedur pengendalian standard pendaftaran mualaf berusia 18 tahun dan ke bawah.



Rajah 2: Prosedur pengendalian standard pendaftaran mualaf yang berusia 18 tahun dan ke bawah di MAIS.

Apabila selesai menjalani prosedur pendaftaran pengislaman di MAIS, mualaf yang berstatus warganegara adalah bertanggungjawab untuk menghadirkan diri ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi meminda status agama yang berada pada kad pengenalan.³ Walaupun tiada sebarang peruntukan undang-undang dalam Perlembagaan Persekutuan yang mewajibkan pemindaan status agama dibuat, namun, melalui inisiatif di peringkat negeri, MAIS telah meletakkan syarat wajib kepada mualaf yang mendaftar di negeri Selangor untuk meminda status agama pada kad pengenalan. Kegagalan mendaftarkan status agama boleh menyebabkan bantuan dari LZS disekat.³

Cadangan Penambahbaikan Proses Pendaftaran Mualaf

Menggunakan sistem pendaftaran secara dalam talian sepenuhnya

Walaupun sistem pendaftaran mualaf di MAIS telah ditambah baik selari dengan perkembangan semasa, namun pelaksanaan pendaftaran mualaf yang masih menggunakan kaedah manual iaitu dengan cara mengisi borang pendaftaran kemudian pendaftar memindahkan maklumat tersebut ke dalam sistem daftar mualaf dibimbangi boleh menimbulkan beberapa komplikasi pentadbiran. Antaranya risiko kehilangan borang, borang rosak, kecaciran atau kesilapan maklumat semasa data dipindahkan yang disebabkan kecuaiian dan kelewatan melaksanakan proses ini. Dengan cara pendaftaran sepenuhnya melalui dalam talian, *IMualaf* bukan sahaja dapat mengelakkan komplikasi tersebut bahkan dapat mempercepatkan proses. Selain itu, proses pemantauan lebih mudah dilakukan dalam mengesan pendaftaran berulang atau sekiranya menggunakan maklumat palsu. Di samping dapat mengelakkan dokumen hilang atau rosak, maklumat juga dapat diakses dengan lebih cepat dan pantas. Sistem ini juga dapat menjimatkan masa sekiranya proses pembuktian dan pengesahan pengislaman mualaf perlu dijalankan. Malah, karenah birokrasi juga dapat dikurangkan sekali gus melicinkan lagi proses pendaftaran pengislaman mualaf.

Memastikan maklumat IMualaf boleh di akses oleh pihak LZS dan JPN

Bagi memastikan maklumat dalam *IMualaf* dapat diakses oleh LZS dan JPN, satu perisian iaitu Sistem Akses Maklumat Bersama (SAMB) perlu dibina. Perisian ini dapat membantu memudahkan lagi pengesanan status agama mualaf secara langsung walaupun berlaku keengganan di pihak mualaf untuk menukar status agama mereka atau anak pada kad pengenalan. Sistem pengesanan secara kolektif akan memudahkan urusan pembuktian status agama terutama apabila berlaku isu-isu yang dihuraikan di atas tadi. Selain itu, sistem ini juga bertujuan untuk menghalang mualaf daripada berlaku tidak jujur terhadap pengislaman mereka.

Perkara ini berlaku kerana ada sebahagian mualaf menjadikan bantuan kewangan mualaf sebagai pendapatan bulanan tanpa berusaha mencari pekerjaan untuk menampung kos perbelanjaan harian. Maka dengan kewujudan SAMB, mualaf tidak boleh sewenang-wenangnya meminta bantuan kewangan di pelbagai agensi agama tempatan kerana setiap rekod mampu diakses dengan mudah dan cepat.

Penyediaan dokumen sokongan

Selain daripada dokumen pengislaman, dokumen sokongan lain yang perlu disediakan sebagai rekod tambahan ialah dokumen pembubaran perkahwinan sivil yang dikeluarkan secara sah oleh pihak mahkamah. Tanpa bukti dan dokumen pendaftaran yang kukuh boleh menyebabkan harta pusaka tidak boleh dituntut oleh keluarga Islam walaupun si mati adalah sah sebagai seorang Islam atau bukan Islam kerana perkahwinan tidak dibubarkan. Justeru, dengan adanya dokumen tersebut hak keluarga mualaf yang beragama Islam turut akan terbela dengan perwarisan harta. Perkara ini menjadikan isteri dan anak-anak si mati tidak ditinggalkan dalam kehidupan yang melarat dan miskin.

Taklimat kesedaran kepentingan dan keperluan mematuhi prosedur pengendalian standard pendaftaran sebagai mualaf

Taklimat yang menjuruskan kepada betapa pentingnya pendaftaran mualaf dibuat dengan sempurna mengikut prosedur pengendalian standard dan keperluan peraturan dan undang-undang serta kesan atau risiko jangka panjang terhadap mualaf dan ahli keluarga sekiranya prosedur ini tidak dipatuhi sepenuhnya. Cadangan ini juga bertujuan untuk memaklumkan kepada mualaf bahawa pemeluk Islam bukan sekadar mengenai penyampaian dakwah dan menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim dengan mentauhidkan Allah SWT. Malah, perkara keduniaan yang bersangkutan dengan prosedur pengendalian standard, dokumentasi dan pembuktian bertulis juga perlu ditekankan agar imej Islam dapat dipelihara dengan selayaknya sekali gus mereka yang bukan Islam tidak sewenangnya mempertikaikan pengislaman seseorang hanya disebabkan oleh kecuaiannya orang Islam sendiri. Di samping itu, taklimat ini juga perlu ditekankan kepada pihak pendaftar agar perkara yang sama seperti isu Indira Gandhi tidak berulang. Tindakan pihak pendaftar yang mengesahkan pengislaman kanak-kanak tersebut sedangkan kanak-kanak tidak menghadirkan diri melafazkan syahadah nyata memberi kesan dan masalah jangka panjang yang rumit untuk diselesaikan. Pihak pendaftar dan mualaf perlu sama-sama mengambil berat mengenai kepentingan pendaftaran berlandaskan kehendak prosedur agar masalah yang disenaraikan mampu dielakkan.

Mewujudkan mekanisme pemantauan perkembangan kebajikan mualaf

Dengan adanya mekanisme pemantauan perkembangan kebajikan mualaf, perkembangan mualaf dapat dipantau terutamanya kebajikan dan bimbingan pengamalan cara hidup beragama. Data melalui *IMualaf* dan LZS dapat digunakan untuk mengetahui sedikit sebanyak perkembangan kehidupan mereka agar bimbingan dan pengetahuan berterusan dapat diberikan selain bantuan zakat. Usaha ini boleh dilaksanakan, contohnya dengan mengguna pakai modul penasihat akidah yang dijalankan di Jabatan Mufti Negeri Selangor. Sistem sokongan psikologi, moral dan ilmu adalah penting untuk mengelakkan pertambahan isu murtad dan isu kerahsiaan status agama.

PENUTUP

Isu berkaitan mualaf seperti perebutan jenazah, pertikaian status agama, pendaftaran palsu, pertikaian pengislaman anak di bawah usia 18 tahun dan perebutan harta si mati merupakan antara isu yang berlaku dalam kalangan mualaf di Malaysia. Isu-isu ini turut mendapat liputan yang luas di akhbar dan media sosial. Namun, faktor yang menyebabkan berlakunya isu tersebut masih kurang diberi perhatian dari aspek pentadbiran berbanding dengan aspek perundangan. Kajian ini membincangkan isu-isu tersebut yang berlaku antara tahun 2000 hingga 2015, faktor dan bagaimana penyelesaian pentadbiran yang telah diambil dan boleh dicadangkan kepada MAIS. Justeru, hasil tinjauan literatur dan temu bual mendapati wujudnya komplikasi pentadbiran pada pendaftaran mualaf selain faktor keengganan menukar status agama pada dokumen pengenalan diri dan mekanisme pemantauan perkembangan kebajikan mualaf. Faktor komplikasi pentadbiran meliputi tiga aspek iaitu maklumat pendaftaran yang tidak lengkap dan mencukupi, pendaftaran tidak mengikut prosedur dan tiada pemantauan yang sistematik. Faktor keengganan menukar status agama pula dipengaruhi oleh keinginan mualaf merahsiakan status Islam. Manakala faktor pemantauan perkembangan kebajikan mualaf disebabkan ingin berkahwin dengan pasangan bukan Islam, tiada sokongan keluarga, tidak mengamalkan cara hidup Islam dan tidak mendapat bimbingan tentang ajaran Islam secara berterusan. Bagi mengatasi isu ini, pihak MAIS telah mengambil beberapa langkah penyelesaian meliputi pendaftaran mualaf secara dalam talian iaitu *IMualaf* selepas pendaftaran secara manual melalui borang yang disediakan, mewujudkan prosedur pengendalian standard pendaftaran serta mewajibkan pendaftaran status Islam dalam dokumen pengenalan diri di JPN. Manakala penambahbaikan yang dicadangkan hasil daripada kajian ini ialah melakukan pendaftaran mualaf sepenuhnya secara dalam talian dengan memastikan maklumat mualaf dalam *IMualaf* boleh diakses oleh

pihak JPN dan LZS. Perisian SAMB yang dicadangkan diharap dapat membantu memudahkan lagi pengesanan status agama mualaf walaupun berlaku keengganan di pihak mualaf untuk menukar status agama mereka atau anak dalam dokumen pengenalan diri. Cadangan penambahbaikan seterusnya ialah menyediakan dokumen pembubaran perkahwinan sivil yang dikeluarkan secara sah oleh pihak mahkamah sebagai rekod sekiranya berlaku pertikaian berkaitan harta. Cadangan yang lain termasuklah mengadakan sesi taklimat tentang kepentingan menyempurnakan pendaftaran mengikut prosedur pentadbiran yang dikeluarkan oleh MAIS dan undang-undang serta risiko jika mengabaikannya. Selain itu, terdapat juga cadangan untuk memastikan wujudnya pemantauan terhadap perkembangan kebajikan mualaf melalui sesi bimbingan agama yang berterusan, sokongan emosi, moral dan psikologi di samping agihan bantuan zakat.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Puncak Niaga (M) Sdn Bhd dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang telah membiayai sebahagian penyelidikan ini di bawah geran ID SP16-016-0229.

NOTA

1. Norfaizah binti Ramli memegang jawatan sebagai Peguam Syar'ie di Tetuan Zaidi Zain & Associates. Temu bual bersama pengkaji pada 8 Disember 2018.
2. Nik Norliza binti Nik Kamaludin merupakan Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Dakwah Cawangan Mualaf, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Temu bual bersama pengkaji pada 22 Ogos 2018.
3. Mohd Noor Lee bin Abdullah Lee ialah Eksekutif Unit Pengurusan Rekod Mualaf Bahagian Pendaftaran Mualaf, Sektor Pembangunan Sosial, Majlis Agama Islam Selangor. Temu bual bersama pengkaji pada 8 Ogos 2018.
4. Taufiq Yap Yun Hin merupakan Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia. Temu bual bersama pengkaji pada 22 Mei 2018.

RUJUKAN

Halimahton Shaari, Ngu Teck Hua and V. Raman. 2006. Covering race and religion: The Moorthy and Nyonya Tahir cases in four Malaysian newspapers. *Kajian Malaysia* 14(1&2): 185–201.

- Helwa Mohammad Zainal and Jasri Jamal. 2013. Kedudukan murtad dan penyebaran agama bukan Islam menurut perspektif undang-undang di Malaysia: Satu analisa isu dan cabaran. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 17: 13–36.
- Hussin Che Pa, Nasrul Hisyam Nor Muhammad and Suhaimi Mustar. 2016. Bidang kuasa eksklusif mahkamah syariah selepas pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan: Satu penilaian. *Malaysian Journal of Syariah and Law* 3: 1–13.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2010. *Garis panduan pengurusan saudara baru (Mualaf)*. Kuala Lumpur: iTilmiz Network Sdn Bhd.
- Khairani Husin and Mohd Al Adib Samuri. 2014. Kerahsiaan kemasukan Islam: Isu undang-undang kes pemelukan Islam mualaf di Malaysia. *Jurnal Undang-Undang Malaysia* 26(1): 1–25.
- Majlis Agama Islam Selangor. 2014. *Undang-undang negeri Selangor: Peraturan-peraturan pendaftaran, penjagaan dan pengajaran bagi mualaf (negeri Selangor) 2009*. Selangor: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Negeri Selangor dan Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. 2007. Law of apostasy and freedom of religion in Malaysia. *Asian Journal of Comparative Law* 2: 1–36. <https://doi.org/10.1017/S2194607800000065>
- _____. 2010. Murtad dan kebebasan beragama: Satu kajian kes di Selangor. Final report submitted to Selangor Islamic Religious Council. December.
- Mohd Faridh Hafez MO and Sharifah Hayaati Syed Ismail. 2016. Sumbangan organisasi Cina-Muslim dalam keharmonian beragama di Malaysia: Tinjauan terhadap peranan dan cabaran PERKIM & MACMA. In *Isu-isu dakwah dan golongan minoriti*, ed. Nor Raudah Hj Siren, 1–27. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.
- Mohd Nizam Sahad, Siti Aishah Chu Abdullah and Suhaila Abdullah. 2013. Malaysian news report on Muslim converts' issues: A study on Malaysiakini. *International Journal of Humanities and Social Science* 3(13): 15–23.
- Pg Ismail Pg Musa and Siti Zubaidah Ismail. 2015. Permohonan keluar Islam: Kajian kes di Mahkamah Syariah negeri Sabah. *Jurnal Syariah* 23(1): 17–26.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy. 2018. Managing new Muslims: Understanding issues and challenges in Malaysia – a literature review. In *Contemporary issues in Islamic thought*, eds. Akmal Khuzairy Abd Rahman, Abdul Salam Muhamad Shukri, Azhar Abdul Rahman and Azlan Abd Aziz, 21–46. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Ahmad F. Yousif, Osman Chuah Abdullah and Marina Munira Abdul Mutalib. 2016. Studies on inter-faith relations: Latest input for authority management review (AMR) in Malaysia. *Journal of Religious & Theological Information* 15(1–2): 47–59.
- Siti Adibah A. Bakar and Siti Zubaidah Ismail. 2018. Pengurusan mualaf di Malaysia: Kerjasama dinamik antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan. *Jurnal Usuluddin* 46(2): 97–122.
- Suariza@Hidayah Muhammad, Norrodzoh@Raudah Haji SirenYusoff and Yusmini Md Yusoff. 2018. Faktor permohonan isytihar murtad dalam kalangan mualaf di Selangor. *Jurnal Usuluddin* 46(2): 123–146.

- Zanariah Dimon and Zaini Yusnita Mat Jusoh. 2014. Pengesahan status agama di mahkamah syariah: Satu sorotan. Paper presented at the 1st International Research and Innovation Conference Proceeding 2014 (INSAN 2014), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, Kajang Selangor. 17–18 November.
- Zuliza Mohd Kusrin. 2001. Pendaftaran memeluk agama Islam di Malaysia. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam* 22: 13–23.
- Zuliza Mohd Kusrin and Nurhidayah Muhammad Hashim. 2016. Pemelukan Islam pasangan perkahwinan sivil: Isu berbangkit dan cadangan penambahbaikan menurut undang-undang Malaysia. *Kanun* 28(1): 17–42.